

113

3 negara setuju bentuk badan silat Asean

Pencak Silat
SINGAPURA, Indonesia dan Malaysia telah bersetuju pada dasarnya untuk membentuk sebuah persekutuan silat Asean untuk memperkembang seni itu.

12 JUL 1978
Persetujuan ini telah dicapai oleh pegawai-pegawai dari tiga negara ini dalam mesyuarat mereka, awal minggu ini ketika dijalankan satu pesta silat di Jakarta.

Dalam rundingan itu, Singapura telah diwakili oleh Persatuan Silat Singapura (Persisi), Malaysia oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, sementara Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI) mewakili tuanrumah.

Menurut Encik Rahim Dahan, yang menjadi setiausaha rombongan Singapura, Indonesia telah dilantik menjadi jawatankuasa penganjur dalam mesyuarat itu untuk melaksanakan pembentukan persekutuan tersebut.

Penyelaras

Sebuah jawatankuasa penyelaras telah dibentuk dengan tiap wakil dari tiga negara ini duduk dalam jawatankuasa itu.

Dia menjelaskan, buat masa ini, keanggotaan persekutuan itu berkisar kepada tiga negara ini dan akan diluaskan hingga meliputi anggota-anggota Asean yang lain iaitu Filipina dan Thailand.

"Kedua negara ini tidak menghantarkan perwakilan mereka dalam mesyuarat yang dilangsungkan kemarin," dia menegaskan.

Dan Indonesia, jelasnya lagi, akan mengadakan satu demonstrasi silat dalam Sukan SEA yang bakal berlangsung tahun depan di Jakarta.

"Mungkin jika semua negara-negara Asean bersetuju, besar kemungkinan silat akan dijadikan salah satu acara dalam Sukan SEA 1981," tambah Encik Rahim lagi.

Menapak dan menanti

MESKIPUN usia kedua-dua mereka ini baru saja 11 tahun, namun bagi Fazil Mustapha (sedang menapak) dan Roslan Ahmad menanti telah menarik perhatian dengan persembahan silat kuni-

ngan mereka malam kemarin. 12 JUL 1978
Kedua-dua pasangan regu ini telah berjaya mewakili kumpulannya dalam Pesta Silat Singapura, setelah dapat mengalahkan empat regu

lain dalam pertandingan yang diadakan di Malam Silat Kuningan di Panggong Victoria, malam kemarin. 12 JUL 1978
Mereka-dua mewakili kumpulannya dalam perlawanan di bawah kumpulan umur 13 tahun di Pesta Silat nanti.

Bagi Fazil, meskipun dia menjadi anggota kunningan hanya 3 bulan, namun persembahannya begitu baik dan lincah menjadikan dia terpilih.

Begitu juga Roslan, yang telah dua tahun menjadi anggota kumpulan itu telah mempersembahkan silat yang cekap.

Bagi kedua-dua ahli silat muda ini mereka telah mengikuti seni pertunjukan diri atas galakan keluarga masing-masing.

Pertandingan itu telah disaksikan juga oleh Dr. Ahmad Mattar, pemangku Menteri Halahwal Masyarakat selaku tetamu kehormat.

Pesta Silat: Perwanit berazam utk pertahankan gelaran

12 JUL 1978
SEKSI silat gayung Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) kini sedang giat menjalani latihan gigih untuk mempertahankan gelarannya dalam Pesta Silat Kebangsaan Ketiga, anjuran Persatuan Silat Singapura (Persisi) yang bakal berlangsung di Panggung Negara pada 21 dan 22 Julai ini.

Seramai 24 orang ahli silatnya kini sedang menjalani latihan gigih tiap hari di bawah jurulatihnya Sharkawi Mond Som.

Menurut seorang jurucakap Perwanit, hanya 14 orang dari mereka akan dipilih untuk mewakili persatuan itu dalam

Adalah difahamkan bahawa dari bilangan mereka yang turut mengambil bahagian dalam latihan itu, dua adalah peserta-peserta wanita. Embat bahagian